

Headline	Permaju teroka penjanaan tenaga solar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	24
ArticleSize	256 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,948		



Permaju teroka penjanaan tenaga solar

Syarikat berpangkalan di Sabah, Permaju Industries Bhd menerokai perniagaan penjanaan tenaga solar sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan syarikat sebanyak tiga kali ganda dan juga keuntungannya, demikian menurut sumber.

Syarikat senaraian dalam Pasaran Utama itu dijangka melabur antara RM350 juta dan RM400 juta untuk membangunkan kemudahan penjanaan tenaga solar di Negeri Sembilan.

Difahamkan, Permaju menjalin kerjasama dengan Vsolar Group Bhd, firma penjanaan tenaga boleh diperbaharui dan fotovoltaiik (PV) yang disenaraikan dalam Pasaran ACE, sebagai usaha penerokaan sulungnya dalam solar.

Permaju, menerusi anak syarikat milik penuhnya, Genbayu Gemilang Sdn Bhd memeterai perjanjian kerjasama dan pakatan dengan unit Vsolar Group, SolarInteractive Sdn Bhd, semalam.

Perjanjian itu merangkumi pembangunan kemudahan solar, termasuk loji PV Solar Berskala Besar (LSS) di 121.4 hektar tanah yang dimiliki Genbayu di Setul, Seremban.

Sumber rapat dengan Permaju berkata, Genbayu dan Solar Interactive akan menubuhkan syarikat usaha sama untuk membangunkan kemudahan solar dengan kapasiti 90 megawatt (MW).

“Permaju dan Vsolar menyasarkan pendapatan tiga kali ganda setiap tahun daripada usaha sama ini. Keuntungan dijangka bertambah baik,” kata sumber itu.

Permaju, menerusi bahagian automotif, terbabit dalam pengedaran francais Volkswagen dan Ford.

Kumpulan itu juga terbabit dalam aktiviti pembangunan hartanah.

Bagi 12 bulan berakhir 31 Mac 2019, pendapatan Permaju ber-

jumlah RM62.6 juta, sementara kerugian bersihnya sebanyak RM997,000.

Vsolar mencatatkan kerugian bersih RM1.22 juta bagi tempoh sembilan bulan berakhir 31 Mac 2019, meskipun pendapatannya meningkat 22.17 peratus kepada RM1.28 juta.

Sumber berkata, kemudahan solar itu, pada permulaannya akan mempunyai 117MW panel PV, dengan kapasiti untuk menjana kira-kira 400Wp produk panel solar (kira-kira 293,000 keping) dan terdapat potensi untuk pengembangan.

“Tenaga boleh dijual kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah perjanjian pembelian kuasa yang akan ditandatangani peringkat kemudian. Kedua-dua syarikat menjangkakan pulangan pelaburan projek itu akan mengambil masa kira-kira sembilan tahun,” katanya.

LSS, dikenali sebagai ladang solar, boleh menjana daripada

beratus-ratus kilowatt kepada beribu-ribu megawatt tenaga solar.

LSS biasanya menggunakan teknologi solar PV untuk menjana elektrik dari lapangan panel solar PV.

Panel solar menukar tenaga dari cahaya matahari ke dalam elektrik arus langsung (DC), maka penyongsang menukarkan kuasa ke dalam arus bergantian (AC) yang boleh disepadukan ke dalam grid elektrik.

Sumber berkata, kemudahan solar itu akan tertakluk kepada kajian daya maju yang muktamad, pembiayaan yang tersedia dan ketersediaan pembayaran dalam kuota daripada pihak berkuasa berkaitan.

Solar Interactive akan mendapatkan perkhidmatan kejuruteraan dan pembinaan selain pemerolehan pembiayaan bagi pembangunan kemudahan solar itu.